

PERANAN INSTITUSI AL-QURAN DALAM MELAHIRKAN HUFFAZ YANG BERKUALITI: KAJIAN TERHADAP MAAHAD TAHFIZ DARUL FURQAN, KUALA LUMPUR

THE ROLE OF AL-QURAN INSTITUTIONS IN DEVELOPING QUALITY HUFFAZ: A STUDY OF MAAHAD TAHFIZ DARUL FURQAN, KUALA LUMPUR

Nor Saadah Musa^{1*}

Walid Mohd Said²

¹ Akademi Pengajian Islam Kontemporari (ACIS), UiTM cawangan N.Sembilan, Kampus Seremban, Malaysia.
(E-mail: norsa3845@uitm.edu.my)

² Fakulti Pengajian Quran dan Sunnah (FPQS), USIM Nilai, Malaysia,
(Email: walid@usim.edu.my)

*Corresponding author: Author A email address

Article history

Received date : 19-6-2025

Revised date : 20-6-2025

Accepted date : 25-7-2025

Published date : 15-8-2025

To cite this document:

Musa, N. S., & Said, W. M. (2025). Peranan institusi al-Quran dalam melahirkan huffaz yang berkualiti: Kajian terhadap maahad tahfiz Darul Furqan, Kuala Lumpur. *Journal of Islamic, Social, Economics and Development (JISED)*, 10 (75), 752 – 766.

Abstrak: Institusi tahfiz memainkan peranan penting dalam melahirkan generasi huffaz yang bukan sahaja mampu menghafal 30 juzuk al-Quran bahkan yang lebih utama mampu menghasilkan para huffaz yang berkualiti dan lancar dalam hafazan dan pembacaan al-Quran. Pada dasarnya, bukanlah tujuan penubuhan sekolah tahfiz untuk menyaingi pendidikan arus perdana, tetapi lebih penting adalah untuk memenuhi keperluan fardhu kifayah dan pembentukan ‘generasi terpilih’ dalam kalangan huffaz al-Quran yang pastinya sangat bermanfaat buat agama dan negara. Kajian ini bertujuan untuk meneliti peranan yang dimainkan oleh pengurusan institusi tahfiz di Malaysia dengan memilih Maahad Tahfiz Darul Furqan, Kuala Lumpur (TDF) dalam menghasilkan para huffaz yang berkualiti. Artikel ini memfokuskan kajian terhadap latar belakang penubuhan, struktur pentadbiran, kurikulum pengajaran, kejayaan yang diperolehi dan cabaran yang dihadapi oleh pihak pengurusan dalam melahirkan generasi huffaz yang lancar hafalan al-Qurannya. Realitinya, pelbagai isu seperti kekangan kewangan dan prasaranan, persaingan antara institusi tahfiz, kompetensi para murabbi, kemampuan pelajar dan sokongan ibu bapa antara cabaran utama dalam menghasilkan generasi al-Quran yang benar-benar berkualiti. Kajian ini menggunakan kaedah kualitatif dengan menemubual pengurus dan guru di institusi tahfiz tersebut. Penulis juga menggunakan kaedah observasi melalui pengalaman penulis sendiri sebagai tenaga pengajar di institusi berkenaan. Dapatan kajian menunjukkan bahawa pengurusan yang terancang, iltizam dan kesungguhan para huffaz, sistem sokongan berstruktur dan konsisten merupakan elemen-elemen penting dalam memastikan kelestarian dan keberkesanannya institusi tahfiz dan generasinya. Kajian ini mencadangkan penambahbaikan dalam aspek latihan profesional pengurusan tahfiz, penyelarasan kurikulum dan sistem sokongan yang sistematik dan berkesan,

serta kerjasama strategik antara institusi tahfiz dan agensi kerajaan. Kesimpulannya, untuk melahirkan para huffaz yang memenuhi kriteria hamlatulQuran, memerlukan komitmen bersepada daripada semua pihak. Institusi al-Quran adalah platform pemudah cara, hakikatnya kesungguhan semua pihak yang berkaitan adalah penentu kejayaan sebenar para huffaz dalam memenuhi kriteria ahlulQuran.

Kata Kunci: Kata kunci: Huffaz, generasi terpilih, institusi tahfiz, fardhu kifayah, Maahad Tahfiz Darul Furqan, Kuala Lumpur.

Abstract: Tahfiz institutions play a crucial role in producing a generation of huffaz who are not only able to memorize all 30 juz of the Qur'an but, more importantly, possess high-quality memorization and fluent Qur'anic recitation. Fundamentally, the establishment of tahfiz schools is not intended to compete with mainstream education but to fulfill the communal obligation (fardhu kifayah) and to nurture a "chosen generation" among the huffaz al-Qur'an, who are highly beneficial to religion and the nation. This study aims to examine the role played by tahfiz institution management in Malaysia by selecting Maahad Tahfiz Darul Furqan (TDF), Kuala Lumpur, as a case study in producing quality huffaz. The article focuses on the institution's background, administrative structure, teaching curriculum, achievements, and the challenges faced by its management in developing huffaz with fluent memorization of the Qur'an. In reality, several issues such as financial and infrastructural limitations, competition among tahfiz institutions, the competency of teachers (murabbi), student capability, and parental support are among the main challenges in producing truly high-quality Qur'anic generations. This research employs a qualitative methodology through interviews with managers and teachers of the institution. The author also uses observational methods based on personal experience as an educator at the same institution. The findings indicate that structured management, the commitment and determination of the huffaz, and a consistent and well-organized support system are essential in ensuring the sustainability and effectiveness of tahfiz institutions and their students. This study recommends improvements in professional training for tahfiz administrators, curriculum standardization, and the implementation of effective and systematic support systems, alongside strategic collaboration between tahfiz institutions and government agencies. In conclusion, producing huffaz who meet the criteria of hamlatul Qur'an requires integrated commitment from all stakeholders. While the tahfiz institution acts as a facilitative platform, the collective effort and earnest dedication of all involved parties ultimately determine the true success of huffaz in embodying the noble traits of the ahlul Qur'an.

Keywords: Tahfiz institutions, huffaz, Qur'an memorization, Islamic education, educational management, Malaysia.

Pengenalan

Pendidikan tahfiz merupakan salah satu cabang utama dalam sistem pendidikan Islam. Ia memberi penekanan kepada hafazan al-Quran sebagai teras utama pembinaan sahsiah dan jati diri Muslim. Di Malaysia, perkembangan institusi tahfiz telah menunjukkan peningkatan yang ketara dalam beberapa dekad kebelakangan ini selaras dengan kesedaran masyarakat terhadap kepentingan penghayatan al-Quran dalam kehidupan. Institusi tahfiz bukan sahaja berfungsi sebagai tempat menghafaz al-Quran, tetapi juga sebagai pusat pembangunan modal insan berteraskan nilai-nilai Islam yang syumul. Melahirkan huffaz yang berkualiti tinggi memerlukan satu pendekatan pendidikan yang holistik dan sistematik. Hal demikian

merangkumi aspek hafazan yang mantap, kefahaman yang mendalam terhadap kandungan al-Quran, penguasaan ilmu-ilmu asas Islam, serta pembentukan akhlak mulia.

Namun begitu, cabaran utama yang sering dikaitkan dengan institusi tahniz ialah isu kualiti dalam penghasilan huffaz. Kualiti di sini merujuk kepada kemampuan para huffaz menghafaz 30 juzuk al-Quran dengan lancar dan bertajwid, di samping penekanan terhadap aspek penghayatan ajaran al-Quran, kemahiran berfikir secara kritis, dan keupayaan berinteraksi secara efektif dengan masyarakat moden. Faktor seperti struktur kurikulum yang kurang seimbang antara hafazan dan akademik, kekangan sumber manusia yang berkemahiran tinggi, serta kekurangan pemantauan sistematis menjadi antara punca signifikan terhadap kualiti dalam kalangan graduan tahniz.

Oleh itu, kajian terhadap peranan institusi tahniz dalam melahirkan huffaz yang bukan sahaja cemerlang dari sudut hafazan tetapi juga mempunyai ciri-ciri kepimpinan, keilmuan dan kesarjanaan adalah amat signifikan. Ini bagi memastikan institusi tahniz terus relevan dan mampu melahirkan generasi pewaris al-Quran yang bukan sahaja menjadi pelindung wahyu, tetapi juga pemimpin ummah yang berpandukan nilai-nilai al-Quran dalam setiap aspek kehidupan. Justeru, penilaian terhadap peranan institusi ini amat diperlukan bagi meneliti kekuatan dan kelemahan yang wujud, serta merangka cadangan penambahbaikan yang bersifat konstruktif dan berimpact tinggi.

Sorotan Literatur

Institusi tahniz merupakan antara institusi pendidikan Islam yang memainkan peranan penting dalam memelihara dan menyebarkan ajaran al-Quran melalui amalan hafazan. Menurut Mohd Izhar Ariff et al. (2015), pendidikan tahniz bukan sahaja melibatkan proses menghafaz al-Quran, malah perlu merangkumi aspek pemahaman, penghayatan dan aplikasi kandungan al-Quran dalam kehidupan seharian. Justeru, keberkesanan institusi tahniz dalam melahirkan huffaz berkualiti amat bergantung kepada pendekatan kurikulum, kaedah pengajaran serta kelayakan tenaga pengajar.

Dalam kajian oleh Mohd Shahril Nizam dan rakan-rakan (2018), didapati bahawa salah satu cabaran utama dalam pendidikan tahniz di Malaysia adalah kekurangan integrasi antara kurikulum tahniz dan akademik. Hal ini menyebabkan sebahagian graduan tahniz menghadapi kesukaran untuk melanjutkan pelajaran atau bersaing di peringkat profesional. Oleh itu, pelbagai model pendidikan tahniz integrasi telah diperkenalkan bagi mengatasi jurang ini, seperti yang dilaksanakan oleh Maahad Tahfiz Sains dan beberapa sekolah tahniz swasta yang menggabungkan hafazan al-Quran dengan pembelajaran akademik arus perdana.

Sementara itu, kajian oleh Noraini Mohd Noor (2020) menekankan kepentingan latihan pedagogi khusus untuk para guru tahniz bagi memastikan kaedah pengajaran yang digunakan berkesan dan sesuai dengan pelbagai gaya pembelajaran pelajar. Guru tahniz yang mempunyai kemahiran komunikasi yang baik serta memahami psikologi pelajar lebih berupaya membimbing pelajar secara efektif dalam proses hafazan.

Tambahan pula, menurut laporan Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM, 2021), kualiti institusi tahniz juga dipengaruhi oleh faktor pentadbiran, kemudahan fizikal, sistem penilaian hafazan, serta tahap sokongan ibu bapa. JAKIM telah memperkenalkan Sistem Pensijilan Institusi Tahniz (SPIT) sebagai satu langkah penambahbaikan bagi memastikan institusi tahniz mematuhi piawaian minimum dalam aspek pengurusan dan pelaksanaan pendidikan.

Di samping itu, beberapa kajian lepas turut menekankan perlunya institusi tahniz menyediakan peluang pembangunan sahsiah, kurikulum, dan kemahiran insaniah kepada pelajar. Menurut Zamri Mustapha et al. (2019), pembangunan huffaz yang seimbang dari aspek spiritual, intelektual dan sosial adalah kunci kepada pembentukan generasi pelapis kepimpinan ummah yang berkualiti tinggi.

Penghasilan huffaz yang lancar dalam hafazan al-Quran merupakan matlamat utama institusi tahniz di seluruh dunia Islam, termasuk di Malaysia. Kelancaran hafazan merujuk kepada keupayaan pelajar menghafaz al-Quran tanpa kesilapan, dengan tajwid yang betul, serta mampu mengingati ayat secara konsisten tanpa bantuan. Dalam hal ini, pelbagai kajian telah dilakukan untuk mengenal pasti pendekatan dan faktor yang menyumbang kepada kelancaran hafazan.

Menurut kajian oleh Abdul Halim Tamuri et al. (2013), antara kaedah yang paling berkesan dalam memastikan kelancaran hafazan adalah pengulangan (muraja'ah) secara sistematik dan konsisten. Pelajar yang meluangkan masa secara harian untuk mengulang ayat-ayat yang telah dihafaz lebih cenderung untuk mengekalkan hafazan dalam jangka masa panjang. Kajian ini juga menekankan peranan guru dalam membimbing muraja'ah dengan memberi maklum balas yang tepat terhadap sebarang kesalahan hafalan.

Kajian oleh Ismail Suardi Wekke (2016) pula menyatakan bahawa persekitaran pembelajaran yang kondusif, seperti suasana yang tenang, jadual harian yang tersusun, dan bimbingan rohani yang berterusan, memberi kesan positif terhadap kelancaran hafazan pelajar. Institusi tahniz yang mengamalkan budaya disiplin tinggi dan memberi penekanan terhadap motivasi dalam pelajar, didapati lebih berjaya dalam melahirkan huffaz yang kukuh hafalannya.

Dalam konteks teknik penghafazan, kajian oleh Nor Azura et al. (2018) menunjukkan bahawa kaedah talaqqi musyafahah (hafazan secara bersemuka dan bertalaqqi dengan guru) masih merupakan pendekatan terbaik untuk memastikan ketepatan dan kelancaran hafalan. Melalui kaedah ini, guru dapat membetulkan bacaan pelajar secara langsung serta memberi penekanan terhadap makhraj huruf dan hukum tajwid.

Tambahan pula, kajian oleh Mohd Izhar Ariff et al. (2017) menekankan peranan teknologi dalam membantu pelajar menghafaz dengan lebih berkesan. Penggunaan aplikasi al-Quran digital, rakaman audio murattal, dan perisian semakan hafalan dapat membantu pelajar memantapkan hafazan secara kendiri di luar waktu formal. Namun begitu, ia perlu disokong dengan bimbingan guru agar pelajar tidak bergantung sepenuhnya kepada teknologi tanpa pemantauan.

Kajian Zamri Mustapha & Nursaleha Mohd Salleh (2020) pula menggariskan bahawa sokongan emosi dan motivasi daripada ibu bapa serta guru amat penting dalam memastikan pelajar kekal konsisten dan bersemangat dalam proses hafazan. Pelajar yang mendapat dorongan secara berterusan cenderung untuk mempunyai keyakinan diri yang tinggi dan tidak mudah berputus asa.

Kesimpulannya, literatur yang dikaji menunjukkan bahawa kelancaran hafazan dalam kalangan pelajar tahniz dapat dicapai melalui gabungan kaedah pengajaran berkesan, muraja'ah konsisten, persekitaran pembelajaran yang sesuai, penggunaan teknologi yang bijaksana serta sokongan emosi daripada komuniti sekeliling. Justeru, pendekatan holistik amat diperlukan

bagi melahirkan huffaz yang bukan sahaja banyak hafalan, tetapi mantap dan lancar dalam penyampaian.

Latar Belakang Penubuhan

Maahad Tahfiz Darul Furqan (TDF) ditubuhkan pada 15 November 1992 di Kampung Padang Balang, Sentul, Kuala Lumpur. Ia diasaskan oleh Al-Fadhil Ustaz Salleh Sani bin Haji Harun Al-Hafiz, dengan tujuan utama untuk melahirkan generasi huffaz yang beriman, berilmu, dan bertaqwah. Penubuhan institusi tahfiz ini tercetus menerusi pengalaman dan pengamatan pengasasnya, Ustaz Salleh Sani apabila mendapati ramai kalangan huffaz yang menghafal al-Quran tetapi tidak mampu mengekalkan hafalan dengan baik. Hal demikian merupakan sesuatu yang membimbangkan kerana usaha berterusan untuk mengekalkan hafalan al-Quran adalah kewajipan dan tuntutan agama terhadap para huffaz.

Justeru TDF ditubuhkan sebagai memenuhi tuntutan fardhu kifayah di samping mengisi kelompongan dalam memenuhi keperluan para huffaz untuk mengekalkan momentum hafazan yang berterusan. Institusi tahfiz perlu dibina dengan roh dan atas matlamat yang jelas kerana Allah. Banyaknya institusi tahfiz yang dibina ibarat cendawan tumbuh di Malaysia adalah sangat membanggakan sebagai bukti kesedaran dan sokongan masyarakat terhadap pembudayaan al-Quran dalam kehidupan. Ibu bapa sudah mula menyedari keperluan mendidik anak-anak dan generasi muda dengan cara hidup al-Quran. Namun demikian, mendirikan institusi tahfiz ini merupakan amanah Allah yang sangat besar. Mereka yang membangunkan institusi tahfiz ini tidak boleh sama sekali menguruskannya sambil lewa atau mempunyai kepentingan-kepentingan lain bersifat peribadi. Institusi tahfiz biasanya dibangunkan atas wakaf masyarakat muslim, justeru para pengusahanya perlu berhati-hati dan sentiasa menyedari betapa beratnya amanah tersebut. Di samping menginsafi bahawa bersamanya pasti akan datang ‘pakej’ cabaran dan dugaan yang memerlukan persediaan yang tuntas. (Nor Anisah,2025). Berikut merupakan falsafah, visi dan misi penubuhan Maahad Tahfiz Darul Furqan.

Jadual 1

Falsafah penubuhan	Pendidikan yang disediakan adalah bagi mengintegrasikan pengajian Kurikulum Bersepadu Pendidikan Tahfiz, Sekolah Menengah Tahfiz, Sekolah Rendah Tahfiz dan Tadika Tahfiz dengan Pendidikan Islam yang berorientasikan al-Quran dan Sunnah Rasulullah SAW cendekiawan Islam di Malaysia
Visi	Menjadikan TDF sebagai pusat melahirkan generasi al-Quran
Misi	<ul style="list-style-type: none"> i. Memelihara kesucian al-Quran: Melaksanakan kewajipan fardhu kifayah yang dituntut oleh Islam dalam memelihara kesihihan, kesucian dan keaslian Islam dan al-Quran dari sebarang penyelewengan bacaan dan penulisan ii. Melahirkan Huffaz dan Ulama: Menghasilkan generasi Al-Quran dan para ulama yang menepati ciri-ciri taqwah dan beramal dengannya. iii. Pembangunan Insan Serba Boleh: Melahirkan golongan yang serba boleh dalam mengendalikan ilmu, iman, amal, dan dakwah melalui hafalan Al-Quran dan hikmahnya.

	<p>iv. Menghidupkan Ilmu Al-Quran: Menghidupkan kembali ilmu-ilmu Al-Quran serta menambah bilangan penghafaz Al-Quran yang dapat berbakti kepada agama, masyarakat, dan negara.</p> <p>v. Melahirkan Pemimpin Berwibawa: Melahirkan pemimpin yang boleh dijadikan <i>qudwah</i> dan <i>uswah</i> bagi membentuk masyarakat demi menjamin kejayaan di dunia dan di akhirat.</p>
--	--

Sumber: Buku Pengurusan Sekolah 2019 Tahfiz & Menengah

Struktur Pengurusan dan Kurikulum Tahfiz di TDF

TDF menawarkan kurikulum yang menggabungkan hafazan Al-Quran, pengajian Islam, dan akademik melalui sukanan Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM). Program ini bermula dari Tadika (4–6 tahun) hingga Sekolah Menengah, dengan penekanan pada penghafazan 30 juzuk Al-Quran secara sepenuh masa. Namun hafazan al-Quran sepenuh masa hanya ditawarkan kepada pelajar bermula seawal 13 tahun hingga 17 tahun. Para pelajar yang memilih untuk megahafaz al-Quran sepenuh masa diwajibkan untuk duduk di asrama.

Lokasi TDF di Kg Padang Balang, Kuala Lumpur merupakan TDF pusat (HQ). TDF mempunyai 2 cawangan di Sepang dan Kemboja. Penulis hanya akan memfokuskan analisis kajian di TDF pusat iaitu di Kg Padang Balang, Kuala Lumpur. HQ mempunyai pengajian hafazan Al-Quran 30 Juzuk sepenuh masa dan Pembelajaran Akademik mengikut sukanan Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM. Bermula dari Tadika (4-6 tahun) sehingga Sekolah Menengah. Berikut merupakan jumlah pelajar dan guru di TDF Kuala Lumpur:-

Jadual 2:

	PRA TAHFIZ	SEKOLAH RENDAH	TAHFIZ LELAKI	TAHFIZ PEREMPUAN	JUMLAH
UMUR	4-6 tahun	7-12 tahun	8-19 tahun	8-19 tahun	
PELAJAR	120 Pelajar	343 Pelajar	230 Pelajar	175 Pelajar	868 Pelajar
GURU	9 Guru	18 Guru	8 Guru	13 Guru	48 Guru

Sumber: <https://tahfizdarulfurqan-tdf.blogspot.com/>

Cawangan Sungai Pelek, Sepang

Mula beroperasi pada tahun 2012 di atas sebidang tanah seluas 5 ekar yang beralamat di Lot 2793 Kampung Hulu Teris, Sungai Pelek, 43950 Sepang Selangor. Ia telah didaftarkan di bawah Jabatan Agama Islam Selangor (JAIS) dan mempunyai 6 orang guru serta 50 orang pelajar tahfiz lelaki.

Cawangan Kemboja

Cawangan ini telah beroperasi selama 7 tahun dan dibiayai sepenuhnya oleh Tahfiz Darul Furqan bahagian pusat (HQ) yang mempunyai 2 orang guru dan 40 orang pelajar.

Sistem Pengajaran dan Pembelajaran

Sistem pengajaran di Maahad Tahfiz Darul Furqan (TDF) disusun untuk melahirkan pelajar yang bukan sahaja hafaz Al-Quran, tetapi juga seimbang dalam aspek agama, akademik dan akhlak. Namun penekanan terhadap usaha mengekalkan kualiti hafazan al-Quran adalah keutamaan penubuhan TDF. Berdasarkan hasil dapatan daripada temubual dengan Mudirah TDF dan pemerhatian penulis sendiri, maka dapat dijelaskan komponen utama sistem pengajaran di TDF adalah seperti berikut:

Pengajian Al-Quran (Terancang & Bertahap)

Fokus utama TDF adalah hafazan 30 juzuk Al-Quran.

Modul Hafazan

- Pelajar disusun mengikut tahap (juzuk).
- Kaedah “Tasmī” (membaca hafazan kepada guru) setiap hari.
- Penekanan pada tajwid, fasohah, dan tartil.
- Ulangan hafazan (I’adah) dilakukan secara berkala.

Sasaran

- Pelajar menghafaz 30 juzuk dalam 3–5 tahun (bergantung kepada kemampuan).

Pemantauan

- Setiap pelajar mempunyai rekod prestasi hafazan.
- Disemak dan diselia guru hafiz dan hafizah berpengalaman.

Kurikulum Akademik

TDF menggabungkan kurikulum Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) untuk peringkat rendah dan menengah.

Subjek Teras

- Bahasa Melayu, Bahasa Inggeris, Matematik, Sains, Sejarah, Pendidikan Islam.

Penilaian

- Pelajar menduduki peperiksaan peringkat sekolah dan SPM (bergantung pada lokasi dan tahap).

Modul Integrasi

- Penggabungan antara subjek akademik dan ilmu agama untuk membentuk pelajar seimbang dunia akhirat.

Pengajian Diniyyah (Agama)

Pelajar turut diajar ilmu-ilmu asas agama:

- Tauhid, Feqah, Sirah, Hadis, Tafsir, Tajwid, Akhlak, Bahasa Arab.
- Menggunakan kitab tradisional dan buku rujukan kontemporari.
- Kaedah talaqqi (berguru) dan muzakarah (diskusi ilmu) diamalkan.

Sistem Tarbiyah & Disiplin

- Program Kerohanian: Qiyamullail, tazkirah harian, solat berjemaah 5 waktu.
- Latihan Kepimpinan: Pelajar dilantik sebagai naqib, ketua asrama dan pemimpin pelajar.
- Etika dan Akhlak: Penekanan tinggi terhadap adab, akhlak, dan pemakaian Islamik.

Penilaian & Pemantauan

- Peperiksaan Hafazan: Dijalankan secara berkala.
- Peperiksaan Akademik: Mengikut jadual KPM dan penilaian dalaman.
- Laporan Prestasi: Disediakan untuk ibu bapa setiap semester.

Kemahiran Tambahan & Kokurikulum

- Bahasa Arab & Bahasa Inggeris Komunikasi.
- Penyertaan berkala musabaqah al-Quran&hafazan (MTHQ) di pelbagai peringkat.
- Pengajuran program kesenian Islam di peringkat sekolah seperti nasyid dan hafazan
- Aktiviti luar seperti kem motivasi, lawatan ilmiah, dan khidmat masyarakat.

Berikut adalah jadual harian dan modul hafazan yang diamalkan di Maahad Tahfiz Darul Furqan (TDF). Hal ini akan memberi gambaran lebih jelas tentang sistem harian dan pendekatan hafazan.

Contoh Jadual Harian Pelajar Tahfiz Sepenuh Masa	
Waktu	Aktiviti
4:30 pagi	Bangun, Qiyamullail, Solat Subuh berjemaah
6:30 pagi	Muraja'ah hafazan lama (ulangkaji surah yang telah dihafaz)
7:00 pagi	Sarapan dan khidmat diri
8:00 pagi	Sesi Hafazan Baharu bersama guru ('tasmi')
9:30 pagi	Rehat pendek
10:00 pagi	Kelas Akademik (bagi pelajar menengah yang mengambil pilihan hafazan dan akademik). Pelajar sepenuh masa tahfiz akan terus menghafaz dan mengulang al-Quran.
1:00 T/Hari	Solat Zuhur berjemaah, makan tengah hari
2:00 petang	Rehat / Qailulah (tidur sebentar)
3:30 petang	Solat Asar, Muraja'ah kumpulan
4:30 petang	Aktiviti kokurikulum / sukan / latihan jasmani
6:00 petang	Solat Maghrib, tazkirah / kuliah ringkas
7:00 malam	Makan malam
8:00 malam	Solat Isyak, ulangkaji hafazan secara individu / bimbingan malam
9:30 malam	Persediaan tidur
10:00 malam	Waktu tidur

Modul Hafazan: Tahap & Kaedah

Tahap hafazan

Tahap	Sasaran Juzuk	Tempoh Anggaran
Tahap 1	Juzuk 30 – 28	3 bulan
Tahap 2	Juzuk 27 – 21	6 bulan
Tahap 3	Juzuk 20 – 11	1 tahun
Tahap 4	Juzuk 10 – 1	1.5 tahun
Tahap 5	Muraja'ah penuh (Syahadah)	6 bulan – 1 tahun

Pelajar akan menghafaz mengikut kemampuan masing-masing. Pelajar yang cepat mampu tamat dalam 3 tahun, sementara yang sederhana antara 4–5 tahun.

Kaedah Hafazan (Nor Anisah,2025) :

1. Sistem gundal (piling)- Mengulang hafazan setiap ayat sebanyak 25 kali
2. Tasmi' hafazan baru
Pelajar menghafaz ½ hingga 1 muka surat sehari (bergantung kepada tahap).
3. I'adah baru (ulangan harian)
Mengulang 3–5 muka surat daripada hafazan terdahulu.
4. I'adah lama (ulangan lama)
Ulang 1–2 juzuk sehari untuk semakan menyeluruh.
5. Talaqi bacaan (Betulkan bacaan di hadapan guru)
Pelajar memperdengarkan hafazan kepada guru setiap pagi dan malam.

Hasil kejayaan TDF

Maahad Tahfiz Darul Furqan telah mencapai pelbagai kejayaan dalam bidang pendidikan tafsir dan akademik. Institusi ini juga menyediakan pengajian asas 4 thanawi bagi pelajar yang telah menamatkan hafazan 30 juzuk, dengan peluang menyambung pelajaran ke Universiti Al-Azhar dalam bidang Qiraat, Syariah, atau Usuluddin. Berikut adalah beberapa pencapaian utama mereka:

Pencapaian Akademik dan Hafazan

- Jumlah Pelajar dan Guru: TDF di Kampung Padang Balang mempunyai 868 pelajar dan 48 tenaga pengajar, merangkumi pelbagai peringkat dari tadika hingga sekolah menengah.
- Kurikulum Bersepadu: Di samping kurikulum tafsir sepenuh masa, TDF juga memberi pilihan kepada pelajar untuk memilih pembelajaran secara integrasi hafazan Al-Quran dengan pengajian akademik berdasarkan sukan Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM).
- Cawangan Luar Negara: Selain cawangan di Sentul dan Sungai Pelek, TDF juga memiliki cawangan di Kemboja, yang dibiayai sepenuhnya oleh pusat.

Aktiviti dan Program Komuniti

- Program CSR: TDF aktif dalam program Tanggungjawab Sosial Korporat (CSR), termasuk kerjasama dengan koperasi dan agensi lain untuk meningkatkan kemudahan seperti karpet surau dan pemberian fasiliti.
- Penganjur program ibadah korban di Kemboja
- Majlis Perasmian dan Sambutan: Mengadakan pelbagai majlis rasmi dan sambutan, seperti sambutan Maulidur Rasul dan perhimpunan pelajar, untuk memupuk semangat ukhuwah dan penghayatan agama.

TDF terus berusaha untuk menaik taraf pembangunan dan keperluan institusi ke arah yang lebih kondusif dan selesa bagi pelajar dan komuniti. Di samping itu, TDF juga mempunyai rekod yang cemerlang menerusi penyertaan para pelajarnya dalam pelbagai acara musabaqah al-Quran di pelbagai peringkat. Berikut merupakan antara hasil kejayaan pelajar-pelajar TDF dalam musabaqah al-Quran:

Nama Pelajar	Kategori Kejohanan	Tahap Tertinggi Kejayaan
Ahmad Mujahid	Hafazan al-Quran 30 juzuk MTHQ 2010	Johan peringkat kebangsaan
Muhammad Furqan Fawwas	Hafazan al-Quran 30 juzuk MTHQ 2022	Tempat ketiga peringkat N.Sembilan
Asma' Insyirah	Hafazan al-Quran 30 juzuk MTHQ 2022	Naib Johan peringkat Kebangsaan

Selain itu, berikut merupakan pencapaian pelajar-pelajar TDF bagi tahun semasa 2024:

Kejayaan Pelajar TDF dalam Musabaqah Hafazan Al-Quran:-

- Naib Johan Hafazan (Kategori 1–20 Juzuk) dan tempat ke-3 (kategori 1-30 Juzuk) Kejayaan pelajar-pelajar tersebut dalam MTHQ peringkat Wilayah Persekutuan menunjukkan tahap hafazan yang mantap dan konsisten.
- Anugerah Syahadah 30 Juzuk Pelajar-pelajar yang berjaya khatam 30 juzuk Al-Quran menerima Anugerah Syahadah, sebagai pengiktirafan atas usaha gigih mereka dalam menghafaz dan berusaha mengingati al-Quran.
- Anugerah Hafazan & Akademik Pada Majlis Graduasi Tahfiz Darul Furqan 2024, pelajar-pelajar cemerlang menerima anugerah dalam pelbagai kategori seperti Hafazan Al-Quran, Akademik Hafiz & Hafizah, Madah Hafiz & Hafizah, Anugerah Pelajar Khatam, Anugerah Pelajar SPM 2023, Anugerah Syahadah 30 Juz, dan Anugerah Pelajar Mithali.

Kekuatan dan faktor kejayaan

Antara kekuatan utama Maahad Tahfiz Darul Furqan ialah struktur kurikulum hafazan yang sistematik dan tersusun. Pelajar diberi panduan yang jelas berkaitan jumlah ayat atau muka surat yang perlu dihafaz setiap hari, disusuli dengan sesi murajaah dan tasmi' secara berjadual. Pendekatan ini memastikan pelajar tidak hanya menghafaz secara mekanikal, tetapi juga mengukuhkan hafazan mereka secara konsisten dan mendalam. Tambahan pula, penggunaan teknik hafazan seperti sistem gundal, hafazan halaqah, repetition method, dan sistem tebuk hafalan membantu meningkatkan kecekapan dan ketahanan memori pelajar.

Selain itu, kekuatan yang ketara dapat dilihat daripada kualiti tenaga pengajar yang berkhidmat di maahad ini. Kebanyakan guru adalah huffaz yang bertauliah dan mempunyai latar belakang pendidikan dalam bidang tafsir dan pengajian Islam. Dengan kelayakan ini, mereka mampu menyampaikan ilmu dengan pendekatan yang bersesuaian, berkesan dan penuh hikmah. Mereka juga memainkan peranan sebagai murabbi, bukan sekadar pengajar, yang membimbing pelajar dari aspek rohani, akhlak dan kehidupan harian.

Persekitaran pembelajaran yang kondusif turut menjadi elemen penting yang menyumbang kepada kejayaan pelajar. Maahad ini menyediakan suasana yang tenang, jauh daripada gangguan luar dan berteraskan nilai-nilai Islam dalam setiap aspek kehidupan pelajar. Aktiviti seperti qiamullail, solat berjemaah, tazkirah harian, dan program kerohanian berkala dilaksanakan bagi menyuburkan jiwa pelajar dengan nilai keimanan dan ketaqwaan. Ini menjadikan proses hafazan bukan sekadar pencapaian intelek, malah satu ibadah yang dihayati dengan sepenuh hati.

Tambahan pula, hubungan baik antara pihak pengurusan, ibu bapa dan guru mencipta satu rangka sokongan yang kuat dan berkesan. Perbincangan berkala antara pihak maahad dan ibu bapa membantu memantau prestasi pelajar secara menyeluruh. Pendekatan ini melahirkan pelajar yang seimbang dari segi rohani, jasmani dan intelek, seterusnya membentuk huffaz yang berkualiti tinggi.

Hasil daripada kekuatan-kekuatan ini, Maahad Tahfiz Darul Furqan telah mencatat pelbagai kejayaan. Ramai pelajarnya berjaya menghafaz 30 juzuk al-Quran dalam tempoh yang ditetapkan dengan tahap ketepatan yang tinggi dari segi tajwid dan fasohah. Pelajar juga sering mewakili institusi dalam pertandingan hafazan di peringkat negeri dan kebangsaan serta membawa pulang pencapaian cemerlang yang membanggakan. Lebih daripada itu, ramai alumni maahad ini menyambung pengajian ke institusi pengajian tinggi dalam dan luar negara dalam pelbagai bidang termasuk syariah, pengajian Islam, serta bidang perundangan.

Selain kecemerlangan akademik dan hafazan, pelajar juga aktif menyumbang dalam masyarakat. Ramai antara mereka menjadi imam, guru al-Quran, penceramah dan pemimpin belia yang dihormati. Ini membuktikan bahawa maahad ini bukan sahaja berjaya melahirkan huffaz, tetapi juga individu yang mampu berkhidmat kepada masyarakat secara aktif dan relevan.

Cabaran yang Dihadapi

Seperti sekolah tahniz yang lain, Maahad Tahfiz Darul Furqan juga tidak lari dari menghadapi pelbagai cabaran yang memerlukan kepada pemantauan dan penambahbaikan berterusan. Antara cabaran utama yang dihadapi:-

Cabaran kognitif dan psikologi pelajar

Proses hafazan memerlukan daya ingatan yang kuat, tumpuan tinggi, serta disiplin diri. Namun begitu, ramai pelajar mengalami keletihan mental akibat tekanan hafazan yang berterusan dan jadual yang padat. Kajian menunjukkan bahawa kurangnya motivasi dalaman juga menjadi faktor utama yang menyebabkan pelajar tidak konsisten dalam hafazan dan mudah lupa (Mohd Izani et al., 2019). Ditambah pula dengan tarikan dan pengaruh arus moden hari ini, turut menyumbang kepada hilangnya fokus dan minat para huffaz. Pelajar-pelajar sebegini berpotensi untuk terlibat dengan masalah sosial dan salah laku sama ada di dalam kawasan sekolah mahupun di luar. Hal demikian mengundang pelbagai masalah kepada institusi dan merugikan masa depan pelajar-pelajar tersebut.

Fokus dan tumpuan antara hafazan dan akademik

Dalam usaha melahirkan pelajar yang holistik, TDF mengalami dilema dalam menggabungkan antara pelajaran akademik dengan hafazan. Untuk melahirkan para huffaz yang lancar hafalan al-Qurannya, tumpuan dan penekanan terhadap hafazan adalah sangat penting. Tidak ramai yang memahami realiti ini termasuk ibu bapa yang menghantar anak-anak mereka ke TDF. Kebanyakan pelajar tidak mampu menguasai kedua-dua aspek hafazan al-Quran dan akademik dalam satu masa. Silang fokus ini dibimbangi akan menyebabkan pelajar tahniz celaru daya tumpuan. akhirnya institusi hanya melahirkan pelajar yang hafal al-Quran tetapi tidak mampu mengekalkan kualiti hafalan al-Quran dengan lancar. Hal demikian sama seperti pepatah melayu, ibarat yang dikehendak tak dapat, yang dikendong berciciran. Perlu diingat bahawa menjadi kewajipan terhadap para penghafal al-Quran untuk berusaha mengulang hafalan dan mengekalkan hafazan hingga ke akhir hayat.

Keterbatasan infrastruktur dan dana

Fasiliti yang tidak mencukupi seperti ruang kelas, asrama, perpustakaan dan kemudahan ICT menjadi penghalang kepada pengajaran yang efektif. Selain itu, institusi juga bergantung sepenuhnya kepada yuran pelajar dan sumbangan orang ramai menjadikan kewangan institusi agak terhad. Hal ini menyukarkan pihak pentadbiran untuk menambah baik prasarana atau menambah insentif untuk para guru dalam usaha melahirkan pelajar huffaz yang berkualiti.

Sokongan keluarga yang tidak konsisten

Kejayaan pelajar-pelajar TDF juga bergantung kepada sokongan ibu bapa. Namun, terdapat kes di mana ibu bapa tidak memahami peranan mereka dalam membantu anak-anak meneruskan hafazan di rumah, khususnya semasa cuti. Kekurangan komunikasi antara TDF dan pihak keluarga boleh melemahkan kemajuan pelajar dalam aspek hafazan dan disiplin. Keluarga juga perlu memberi kerjasama dan komitmen untuk menjayakan visi dan misi TDF.

Persaingan institusi tahniz yang lain

TDF turut berdepan dengan cabaran yang timbul akibat persaingan yang semakin ketara. Persaingan ini wujud dalam pelbagai bentuk sama ada aspek kualiti pendidikan, kemudahan infrastruktur, hingga kepada kepercayaan masyarakat. Walaupun persaingan boleh menjadi pemangkin penambahanbaikan, namun tanpa pengurusan yang strategik, ia juga boleh menimbulkan ketidakseimbangan dalam pembangunan institusi tahniz di TDF. Persaingan antara institusi tahniz yang berdekatan, yang jauh lebih maju prasaranannya sedikit sebanyak menjadi cabaran kepada TDF. Bukan sahaja masyarakat luar yang membanding-bandtingkan kualiti antara institusi yang ada, bahkan ada dalam kalangan guru-guru juga yang berbuat demikian.

Cadangan penambahbaikan

Menangani cabaran kognitif dan psikologi pelajar

- Pendekatan Psikopendidikan: Pihak TDF boleh mewujudkan unit bimbingan kaunseling berfokuskan “mental coaching” dan “spiritual therapy” bagi membantu pelajar mengurus emosi, stres, dan keletihan minda.
- Teknik Hafazan Kreatif: Sesuai dengan peredaran semasa, pihak TDF juga wajar menggunakan teknik tambahan hafazan visual seperti audio rakaman dan aplikasi interaktif hafazan untuk pelajar yang sukar fokus dengan kaedah konvensional. Begitu juga Teknik hafazan seperti persaingan ‘huffaz warrior’ iaitu para pelajar bersaing untuk menghafal lebih cepat dan banyak. Persaingan sihat seperti ini mendorong para pelajar teruja untuk menghafaz dengan lebih focus dan laju. Namun, kaedah seperti ini perlu diseimbangkan dengan kemampuan pelajar untuk mengekalkan hafalan mereka dengan baik dan lancar.
- Program Tarbiah Hati: Perkuuhkan motivasi dalaman pelajar melalui kuliah motivasi, penghayatan ayat-ayat hafazan, dan penglibatan dalam aktiviti kemasyarakatan berdasarkan nilai Al-Quran.
- Hukuman yang wajar dan bersesuaian dikenakan terhadap pelajar yang terlibat dengan masalah sosial. Hukuman yang tegas dan bersifat mendidik seperti rotan tanpa mencederakan, gantung atau buang sekolah (bagi kesalahan serius seperti merokok, kes kecurian yang berulang, kecenderungan seks songsang dan seumpamanya) adalah sangat perlu dalam memastikan disiplin dan fokus para pelajar terjaga. Pendekatan keras dan kasar hingga mencederakan adalah tidak relevan dan ditegah oleh Islam.

Keseimbangan Antara hafazan dan akademik

- Kurikulum Tahfiz Integrasi: Gunakan pendekatan integratif dengan mengaitkan kandungan akademik dengan ayat-ayat Al-Quran bagi memberi makna kepada kedua-dua bidang pembelajaran.
- Pengkhususan Tahap: Pembelajaran di TDF mempunyai dua aliran; Tahfiz Penuh (untuk pelajar fokus hafazan sepenuhnya) dan Tahfiz Integrasi (untuk pelajar yang mampu seimbangkan hafazan dan akademik). Bagi tahfiz sepenuh masa, selain hafazan al-Quran, silibus diniyah perlu diperkasakan. Hal demikian sebagai persiapan buat para pelajar dalam meneruskan pengajian ke peringkat lebih tinggi. Sementara tahfiz integrasi, pelajar boleh menghafal setakat mana kemampuan.
- Penilaian berterusan dan fleksibel: Kurangkan tekanan peperiksaan berkala dan gantikan dengan penilaian berterusan berdasarkan tahap pencapaian individu.
- Sesi dialog bersama ibu bapa: Adakan sesi khas penerangan kepada ibu bapa tentang keutamaan dan realiti hafazan, agar harapan mereka lebih selari dengan kemampuan anak.

Keterbatasan Infrastruktur dan Dana

- Wakaf Pendidikan dan Infaq Korporat: Lancarkan dana wakaf secara sistematik dan telus bagi pembangunan asrama, kelas, dan kemudahan ICT. Galakkan penyertaan syarikat melalui tanggungjawab sosial korporat (CSR).
- Digitalisasi Pengajaran: Gunakan teknologi kos rendah seperti Google Classroom, video rakaman hafazan, dan sistem pengurusan pembelajaran (LMS) bagi menggantikan keperluan fizikal yang terbatas.
- Sistem Pengurusan Dana Bersepadu: Tubuhkan jawatankuasa khas kewangan dan audit bagi merancang dan memantau keberkesanan perbelanjaan institusi.

Meningkatkan Sokongan Keluarga dan Ibu Bapa

- Program “Parenting Tahfiz” Berkala: Laksanakan seminar dan bengkel keibubapaan yang fokus kepada sokongan hafazan anak di rumah.
- Sistem Komunikasi Dua Hala: Gunakan aplikasi khas (seperti WhatsApp Group rasmi, sistem e-Pelajar) untuk mengemaskini prestasi hafazan, kehadiran dan disiplin secara konsisten.
- Libat Urus Keluarga dalam Aktiviti Maahad: Galakkan penyertaan ibu bapa dalam program-program maahad seperti Hari Keluarga Huffaz, Majlis Khatam, dan gotong-royong bulanan untuk membina rasa tanggungjawab bersama.

Persaingan institusi tahfiz yang lain

- Teknologi juga boleh dimanfaatkan bagi menangani cabaran persaingan. Institusi boleh menggunakan platform pembelajaran digital, aplikasi hafazan, dan sistem pengurusan pelajar dalam talian. Kehadiran di media sosial dan laman web rasmi juga membolehkan institusi memperkenalkan program, aktiviti, dan kejayaan pelajar kepada umum dengan lebih efektif. Penggunaan teknologi bukan sahaja meningkatkan imej profesional, malah membantu menarik minat generasi muda yang celik digital.
- Selain itu, aspek sumber manusia juga penting. Oleh itu, cadangan seterusnya adalah pemerkasaan guru dan pengurusan institusi melalui latihan profesional yang berterusan. Guru yang cekap dan berilmu mampu memberikan pengajaran berkualiti dan membina hubungan baik dengan pelajar serta ibu bapa. Begitu juga pengurusan yang sistematis

dan efisien dapat meningkatkan reputasi institusi. Apabila sebuah institusi memiliki tenaga kerja yang kompeten, ia akan mampu bersaing dengan lebih baik berbanding institusi lain.

- Langkah lain yang boleh diambil ialah membentuk jaringan kerjasama antara institusi tahfiz. Perkongsian pintar seperti pertukaran guru, program bersama, atau perkongsian sumber boleh mengurangkan persaingan tidak sihat. Sebaliknya, ia menggalakkan semangat ukhuwah dan saling melengkapi antara satu sama lain. Kerjasama ini juga boleh membuka peluang kepada institusi kecil untuk berkembang dan menimba pengalaman dari institusi yang lebih berpengalaman.
- Akhir sekali, sokongan kerajaan dan masyarakat amat penting dalam memperkuuhkan institusi tahfiz. Kerajaan boleh menyediakan insentif dan memperbanyakkan peruntukan dana khas kepada institusi yang mencapai piawaian tertentu dari segi akademik dan pengurusan. Masyarakat pula perlu dididik agar memilih institusi berdasarkan kualiti dan integriti, bukan semata-mata berdasarkan nama atau populariti.

Kesimpulan

Kajian ini telah menganalisis secara menyeluruh peranan Maahad Tahfiz Darul Furqan dalam melahirkan huffaz yang berkualiti khususnya dalam aspek kekuatan dan kelancaran hafalan al-Qurannya. Berdasarkan dapatan kajian, institusi ini memainkan peranan penting bukan sahaja dalam aspek hafazan semata-mata, tetapi juga dalam membentuk sahsiah, akhlak, dan kefahaman mendalam terhadap kandungan al-Quran.

Pendekatan sistematis yang digunakan oleh Maahad Tahfiz Darul Furqan seperti silibus hafazan yang tersusun, bimbingan guru berpengalaman, suasana pembelajaran yang kondusif serta program pentarbiyan bersepada telah dikenal pasti sebagai antara faktor utama yang menyumbang kepada kejayaan melahirkan huffaz berkualiti. Selain itu, komitmen pelajar, sokongan ibu bapa, dan penggunaan kaedah hafazan yang efektif juga memainkan peranan yang signifikan.

Namun begitu, kajian ini juga mendapati bahawa cabaran seperti tekanan hafalan,kekangan masa, dan keperluan integrasi akademik perlu diberi perhatian bagi memastikan kesinambungan kualiti para huffaz. Justeru, penambahbaikan berterusan dari aspek kurikulum, kemahiran insaniah serta kerjasama dengan pihak luar amat diperlukan bagi memperkuuhkan lagi sumbangan institusi ini dalam pembangunan modal insan berteraskan al-Quran.

Secara keseluruhannya, kajian ini menegaskan bahawa institusi al-Quran seperti Maahad Tahfiz Darul Furqan memainkan peranan yang sangat penting dalam membentuk generasi huffaz yang bukan sahaja mahir dalam hafazan, tetapi juga mempunyai jati diri yang kukuh, berilmu, dan mampu menyumbang kepada masyarakat serta negara.

Rujukan

- Abdul Halim Tamuri, Abu Bakar Ahmad, & Mohd Fauzi Hamat. (2013). Amalan terbaik dalam pengajaran dan pembelajaran tafhiz al-Quran di Malaysia. *Jurnal Pendidikan Islam*, 28 (1), 31–45.
- Al-Quran al-Karim
- Buku *Pengurusan Sekolah 2019 Tafhiz & Menengah*, Maahad Tahfiz Darul Furqan, KL.
- Ismail Suardi Wekke. (2016). Environment, motivation and learning strategy in learning the Qur'an. *Mediterranean Journal of Social Sciences*. 7(4), 299–305.
doi:10.5901/mjss.2016.v7n4p299
- Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM). (2021). *Laporan tahunan JAKIM 2021*. Putrajaya: Jabatan Kemajuan Islam Malaysia.
- Mohd Izhar Ariff, Mohd Shahril Nizam Shaharom, & Wan Mohd Fazrul Azdi Wan Razali. (2015). Pendidikan tafhiz di Malaysia: Cabaran dan hala tuju. *Jurnal Pendidikan Islam*. 30 (2), 15–26.
- Mohd Izhar Ariff, Mohd Shahril Nizam Shaharom, & Wan Mohd Fazrul Azdi Wan Razali. (2017). Penggunaan teknologi dalam meningkatkan hafazan pelajar tafhiz: Satu kajian kes. *Journal of Islamic Education*. 2 (2), 55–64.
- Mohd Shahril Nizam Shaharom, Ahmad Munir Mohd Salleh, & Nur Asyikin Mohd Isa. (2018). Integrasi kurikulum tafhiz dan akademik di institusi tafhiz: Analisis pelaksanaan dan cabaran. *Jurnal Kurikulum & Pengajaran Asia Pasifik*. 6 (1), 27–35.
- Muhammad Hafiz Salleh et.al. (2025). *Seminar kecemerlangan Institusi Tafhiz di Malaysia*. Persatuan Madrasah Tafhiz Al-Quran Malaysia.
- Nor Azura Ismail, Siti Zubaidah Ismail, & Nurul Huda Abdul Rahman. (2018). Keberkesanan kaedah talaqqi musyafahah dalam hafazan al-Quran di institusi tafhiz. *Jurnal Kurikulum & Pengajaran Asia Pasifik*. 6 (2), 45–52.
- Noraini Mohd Noor. (2020). Pedagogi berkesan dalam pengajaran tafhiz: Ke arah pemantapan hafazan pelajar. *Jurnal Pendidikan Islam*. 32 (1), 55–64.
- Zamri Mustapha & Nursaleha Mohd Salleh. (2020). Sokongan motivasi dan emosi dalam kalangan pelajar tafhiz: Implikasinya terhadap prestasi hafazan. *Jurnal Pendidikan Malaysia*. 45 (3), 1–10. doi:10.17576/jpen-2020-45.03-01
- Zamri Mustapha, Siti Khadijah Mohd Zabidi & Nursaleha Mohd Salleh. (2019). Pembangunan holistik pelajar tafhiz: Analisis keperluan sahsiah, spiritual dan sosial. *Jurnal Kepimpinan Pendidikan*. 9 (2), 12–22.

Temu bual

Temubual bersama Mudirah TDF, Ustazah Nor Anisah, 4 April 2025

Obervasi

Observasi penulis sebagai bekas tenaga pengajar di TDF 2007-2010.

<https://tafhizdarulfurqan-tdf.blogspot.com/>